

**TEKS PENGGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N30 SUNGAI PINANG**

EXCO PEMBANGUNAN SOSIAL, KEBAJIKAN DAN HAL EHWAL BUKAN ISLAM

Terima kasih saya ucapkan kepada Dato Yang Dipertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk berucap pada hari ini mengenai isu yang menyentuh portfolio saya iaitu Pembangunan Sosial, Kebajikan, dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Sebelum saya memulakan ucapan penggulungan saya, saya ingin menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh YB Sungai Dua.

Terima kasih kepada Sungai Dua kerana telah membangkitkan isu-isu tentang gelandangan.

YB Sungai Dua telah menyebut bahawa

- 1) Kami perlu ambil langkah-langkah untuk meningkatkan kualiti hidup gelandangan
- 2) Gelandangan menghadapi cabaran besar seperti kekurangan tempat tinggal
- 3) Gelandangan menghadapi masalah akses terhadap kepada perkhidmatan kesihatan

Tahun lepas apabila baris EXCO baru ditubuhkan, isu ini memang telah dipandang serius yang mana Sungai Dua pun telah membangkitkan di dalam dewan yang mulia pada hari ini.

Jadi, Langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup gelandangan termasuk pembinaan Pusat Transit Gelandangan (PTG) yang berada dekat Jalan Magazine. Pusat Transit Gelandangan merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu dan mendaya upayakan golongan gelandangan di Pulau Pinang. Di bawah program ini, gelandangan akan ditempatkan di sebuah bangunan di mana mereka akan dibekalkan dengan keperluan asas seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal yang selesa sebagai permulaan.

Seterusnya, berdasarkan apa yang YB Sungai Dua sebut, beliau menyatakan bahawa gelandangan menghadapi cabaran kekurangan tempat tinggal, ini memang tidak benar, kerana mengikut penyelidikan dan penyiasatan kami, walaupun PTG itu telah dibina dan kami telah mengumpul semua gelandangan untuk berpindah ke sana, tetapi masih ramai yang enggan menduduki di PTG. Hal ini adalah kerana mereka tidak suka berada di satu tempat sahaja, mereka ingin bergerak ke mana-mana secara bebas. Jadi, bukanlah mereka menghadapi kekurangan tempat tinggal, sebenarnya adalah mereka enggan memiliki tempat tinggal.

Selain itu, YB Sungai Dua pun telah membangkitkan bahawa Gelandangan "menghadapi masalah akses terhadap perkhidmatan kesihatan. Berdasarkan isu ini, golongan gelandangan yang mempunyai masalah mental boleh dirujuk kepada Jabatan Kesihatan Negeri. Terdapat 3 buah hospital yang mempunyai Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental di Pulau Pinang iaitu Hospital Pulau Pinang, Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam.

Sebagai makluman tambahan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil pendekatan proaktif dengan mengadakan perjumpaan bersama Pengarah Hospital Besar Pulau Pinang untuk membincangkan isu gelandangan mental. Pihak hospital akan memberi kerjasama yang sewajarnya dalam menangani masalah ini. Oleh itu, sekiranya terdapat kes gelandangan mental yang mengganggu ketenteraman awam, pihak PDRM akan mengambil tindakan untuk menangkap individu tersebut dan seterusnya mengurus dengan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mewujudkan satu jawatankuasa bersama inter-agensi untuk membincangkan dan mendapatkan kaedah pelaksanaan operasi penguatkuasaan yang lebih jelas di peringkat negeri. Jawatankuasa ini akan melibatkan agensi-agensi berikut:

- Polis Di-Raja Malaysia (PDRM)
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
- Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
- Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang

- Majlis Bandaraya Pulau Pinang
- Majlis Bandaraya Seberang Perai

Selain itu, YB Sungai Dua telah pun mencadang bahawa kita perlu membantu mereka untuk :

1. Mencari peluang pekerjaan;
2. Bekerjasama dengan badan bukan kerajaan dan masyarakat tempatan untuk mencapai matlamat meningkatkan kualiti hidup gelandangan.

Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat, Pusat Transit Gelandangan berfungsi sebagai Pusat Sehati (OSC) bagi gelandangan yang dihantar oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Di pusat ini, pegawai-pegawai pengurusan melaksanakan tugas-tugas intervensi seperti membuat pepadanan di institusi yang berkenaan dan mendapatkan peluang pekerjaan bagi mereka yang layak.

Namun, sebagai inisiatif untuk meningkatkan mutu hidup golongan gelandangan, Pusat Transit Gelandangan juga menyediakan perkhidmatan perijodohan kerja, khidmat bimbingan, makanan dan minuman, tempat tinggal sementara, serta program kemahiran dan motivasi. Pendekatan menyeluruh ini diambil untuk membantu gelandangan mencapai kehidupan yang lebih baik dan bermakna apabila mereka kembali kepada komuniti.

Pada pendapat saya, kita harus memastikan golongan rentan ini boleh berdikari sendiri. Oleh itu, di Pusat Transit Gelandangan, kita melaksanakan pelbagai inisiatif melalui kolaborasi dengan rakan-rakan strategik untuk menganjurkan program dan kemahiran untuk penghuni di sana.

Sebagai contoh, kami ada program cuci motor yang memberi peluang kepada penghuni untuk menjana pendapatan. Selain itu, kami juga melaksanakan program job-matching bersama syarikat-syarikat swasta untuk memberi peluang pekerjaan kepada penghuni. Seramai 75 klien telah mendapat pekerjaan sebagai pembantu pasaraya, pengawal keselamatan, pekerja am, tukang masak dan sebagainya.

Berdasarkan bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) utk meningkatkan kualiti hidup gelandangan, kerajaan masih tidak mempunyai inisiatif atau dasar setakat ini, kerana kerajaan masih mempunyai kemampuan untuk menangani isu ini, walau bagaimanapun ,kami akan mempertimbangkan cadangan Sungai Dua kalau perlukan.

Dato Yang Dipertua,

Portfolio ini bukan sahaja satu portfolio yang besar tetapi ia juga merupakan tanggungjawab yang besar. Ia merangkumi pelbagai kategori komuniti, antara lelaki dan wanita, dari yang muda hingga yang tua, dari kelahiran hingga kematian. Secara langsung, ia berkaitan dengan kesejahteraan komuniti.

Portfolio ini meliputi aspek-aspek berikut:

1. Mengambil langkah untuk meningkatkan kualiti hidup melalui program-program kesejahteraan sosial yang menyeluruh;
2. Memberikan bantuan dan sokongan kepada golongan yang memerlukan agar kebajikan masyarakat sentiasa terjaga;
3. Mengurus dan memperkasa komuniti bukan Islam dengan menganjurkan pelbagai program untuk memupuk semangat nilai harmoni, saling menghormati, dan muhibbah.

Portfolio ini meneliti hasil yang tidak boleh diukur tetapi ia merupakan aspek penting bagi kelestarian Negeri Pulau Pinang.

Sebagai pembukaan ucapan penggulungan saya, saya ingin bermula dengan portfolio **KEBAJIKAN** dulu. Bagi portfolio ini, kerajaan pulau pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai pembantuan bagi orang awam.

Kerjasama dengan swasta

Kerjasama dengan rakan strategik adalah amat penting sekarang kerana bukan sahaja kita memerlukan dana untuk mengekalkan program-program yang ada, tetapi juga perlu melibatkan komuniti secara menyeluruh dalam pendekatan yang lebih holistik untuk menyelesaikan isu-isu yang dihadapi. Dengan mengumpulkan sumber-

sumber yang ada, kita dapat melaksanakan usaha-usaha dengan lebih efisien dan efektif.

Sebagai contoh, Yayasan PETRONAS telah menyediakan bakul makanan, manakala Jambatan Kedua Sdn Bhd dan JKP Sdn. Berhad telah menyumbang pakaian persiapan raya. Selain itu, Smith and Nephew Penang, Telekom Malaysia Sdn. Bhd., serta Pertubuhan Kebajikan dan Upacara Kebumian Barat Daya juga telah menyumbangkan bakul makanan tidak lupa juga kepada Pertubuhan Buddhist Tzu Chi dan Zakat Pulau Pinang yang turut banyak membantu dari segi pemberian sumbangan. Saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang sudi bekerjasama dalam hal kebajikan rakyat.

Mutiara Food Bank

Unit Mutiara Food Bank adalah kesinambungan daripada program kebajikan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri, Unit ini telah mengembangkan sayapnya melalui kerjasama dengan sektor swasta dan Organisasi bukan untung (NGO) seperti Food Aid Foundation, Motorola Solution, Stonyhurst International School, Lotus's yang nama asalnya Tesco, Pasar Borang Pulau Mutiara dan Hard Rock Hotel.

Unit ini menggalakkan budaya tidak membazir makanan dan berkongsi rezeki dengan mengumpul makanan lebih daripada pasar raya, premis hotel, restoran dan tempat lain. Makanan ini kemudiannya diagihkan kepada golongan sasaran yang dikenal pasti, termasuk rumah kebajikan, pusat pemulihan, pusat bantuan makanan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Salah satu inisiatif kerajaan yang telah dilaksanakan yang paling terkenal setakat ini ialah *Penang World Hunger Day* yang dilancarkan pada 28 Mei 2024, dengan kerjasama Green Heroes dan Care Meals bertujuan untuk memberi kesedaran dan mengambil inisiatif untuk mengurangkan kelaparan di kalangan masyarakat. Inisiatif ini menyediakan makanan panas untuk diedarkan kepada keluarga B40 melalui kerjasama dengan syarikat swasta di bawah projek tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Kerjasama dengan pelbagai organisasi ini memberi potensi kepada kita untuk menggabungkan sumber-sumber yang ada dan memperluaskan jaringan kita kepada golongan sasaran yang memerlukan.

Isu Miskin Tegar

Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berhormat Dato Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan kepada media semasa lawatan kerja sehari ke Pulau Pinang pada hari bulan lima April yang lepas bahawa matlamatnya adalah untuk mencapai sifar kemiskinan tegar di negeri Pulau Pinang menjelang 1 Jun 2024.

Matlamat "kemiskinan tegar sifar" adalah amat mencabar kerana ia bergantung kepada keadaan ekonomi yang tidak menentu dan peristiwa

Seterusnya saya ingin menerus ke Portfolio **PEMBANGUNAN SOSIAL**

Pemeriksaan Gender

Kerajaan negeri Pulau Pinang amat memandangkan serius terhadap pemerikasaan gender, contohnya sebagai tindak balas kepada matlamat Rangka Kerja MADANI untuk meningkatkan penyertaan tenaga buruh wanita kepada 60%, kerajaan negeri Pulau Pinang telah berusaha sejak 2013 untuk mewujudkan persekitaran yang menggalakkan wanita merealisasikan potensi penuh mereka supaya mereka tidak perlu memilih antara mengejar kerjaya dan mengurus keluarga. Untuk tujuan ini, kerajaan negeri sedang berusaha untuk menyediakan pusat jagaan yang sesuai untuk pekerja yang mempunyai anak.

Sukarelawan Komuniti Mutiara

Isu warga emas yang tinggal bersendirian juga menjadi perhatian kita. Apabila Pulau Pinang secara beransur-ansur menjadi masyarakat yang semakin tua, semakin ramai warga emas akan hidup bersendirian.

Walaupun kami mempunyai Khidmat Bantu Di Rumah, (KBDR), sumber yang sedia ada telah digunakan sepenuhnya dan tidak dapat memperluaskan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan lebih ramai orang yang ingin menyertai program tersebut.

Memandangkan permintaan yang semakin meningkat, kami sedang bersiap sedia untuk menubuhkan “Sukarelawan Komuniti Mutiara”, iaitu sebuah kerjasama antara kerajaan negeri, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta untuk membentuk satu sistem.

Sebagai balasan, Ahli Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mendaftar sebagai sukarelawan untuk melawat warga emas ini secara berkala, kami akan melibatkan pihak swasta untuk menyediakan baucar hadiah dan insentif lain sebagai tanda terima kasih atas masa dan usaha mereka dalam memberi kembali kepada masyarakat. Usaha ini juga membantu menjaga keselamatan masyarakat melalui lawatan berkala.

Dasar Keluarga Selamat

Sejak 2020, Dasar Selamat Keluarga telah diwujudkan untuk menyediakan sistem sokongan untuk mangsa keganasan rumah tangga melalui First Support Point (FSP). Tujuan utama First Support Point adalah untuk menyampaikan bantuan segera kepada mangsa keganasan rumah tangga dan membuat kes rujukan kepada pihak yang bersesuaian. Tahun ini merupakan tahun keempat pelaksanaan Dasar Keluarga Selamat sejak tahun 2020 di mana kita telah berjaya melatih seramai 456 First Support Point dimana 173 merupakan anggota dari PDRM.

Untuk membantu mangsa mendapatkan bantuan, PWDC dengan kerjasama PEGIS, telah menubuhkan aplikasi mudah alih Penang Stop Violence supaya mangsa atau sesiapa sahaja boleh mengenal pasti lokasi First Support Point yang terdekat. Aplikasi mudah alih ini juga telah memenangi Anugerah Geospatial World Excellence di Amsterdam. Tahun ini, kami akan menambahbaikkan dan mengemas kini aplikasi Penang Stop Violence, dan akan menguar-uarkan penggunaannya kepada orang ramai di platform media sosial, laman web, dan sebagainya.

HAI EHWAL BUKAN ISLAM

Seterusnya bagi portfolio hal ehwal bukan islam, selepas pertemuan EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal bukan Islam dengan menteri pendidikan merangkap ahli parlimen nibong tebal, YB Fadhlina Sidek, perbincangan perihal konsep dan pelaksanaan program berteraskan penglibatan ibu bapa dan komuniti dengan pihak sekolah melalui Jelajah harmoni telah dilaksanakan.

Jelajah Harmoni merupakan suatu Modul Pendidikan Eksplorasi di Jalan Harmoni Seberang Jaya ataupun dikenali sebagai Streets of Harmony Seberang Jaya (SOH SJ) di Pulau Pinang yang menggunakan pendidikan berasaskan tempat (community-based learning) dan pengalaman (experiential learning) sebagai teras program ini.

Untuk makluman, SOH SJ adalah sebuah tapak yang mengumpulkan sembilan (9) buah rumah ibadat di Jalan Todak, Lorong Jelawat 4 dan Jalan Sembilang, Seberang Jaya yang terdiri daripada berbilang bangsa dan agama.

Antara objektif utama program Jelajah Harmoni ini adalah untuk memupuk apresiasi terhadap nilai kepelbagaian budaya, agama dan tradisi di SOH SJ dalam kalangan peserta yang terdiri terutamanya daripada golongan belia/pelajar di antara umur 15-17 tahun.

Program Jelajah Harmoni ini juga melibatkan komuniti-komuniti rumah-rumah ibadat di SOH SJ ini, yang membolehkan peserta berinteraksi dengan komuniti-komuniti tersebut secara terus seperti temubual bersama wakil rumah ibadat mengenai aktiviti-aktiviti rumah ibadat.

Teras utama Jelajah Harmoni adalah lebih untuk meneraskan peranan setiap rumah ibadat, terutamanya di Streets of Harmony Seberang Jaya ini sebagai satu 'community hub' dan aktiviti-aktiviti mereka yang juga mementingkan kebajikan dan kesejahteraan komuniti di sekitar mereka.

Oleh itu, tumpuan Jelajah Harmoni juga adalah untuk peserta mengenali apakan nilai-nilai yang dikongsi merentasi agama dan bagaimana rumah-rumah ibadat ini mengamalkan nilai-nilai tersebut. Lima (5) sesi Jelajah Harmoni telah diadakan pada tahun 2023 dan pada tahun ini, HARMONICO akan mengadakan sepuluh (10) sesi Jelajah Harmoni. Setakat ini, 127 peserta telah menyertai program ini.

Penutup

Dato Yang Di-pertua dan ahli-ahli yang berhormat dalam Dewan yang mulia ini sekalian, portfolio dan amanah ini merangkumi insan dari baru lahir sehingga warga

emas di usia senja. Akan tetapi dengan sokongan dan dokongan semua sudah semestinya kita akan mencapai apa yang kita sasarkan walaupun pada saat genting

Suasana ceria di hari raya, Warna Merah cantiknya baju. Pulau Pinang negeri berjaya, Masyarakat padu, negeri maju.

Pok Amai-Amai,

Durian dalam Baldi.

Mari ramai-ramai,

Bangunkan Malaysia Madani.

Saya mohon menyokong.

Law Jia-Jie

N30 Sungai Pinang

Sidang Muda 2024

